



TAEKWONDO

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang World Taekwondo Federation (WTF) dan Peraturan AM MASUM

2. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan secara individu

3. PENDAFTARAN PEMAIN

3.1 Perkara 5.0 di dalam Peraturan Am MASUM adalah dirujuk.

3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari 2 orang peserta bagi setiap kategori.

3.3 Borang Pendaftaran Penyertaan, Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum permainan bermula.

4. SISTEM PERTANDINGAN

4.1 Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.

4.2 Pasukan yang menghantar 2 orang peserta bagi setiap kategori, kedudukan pertandingan akan diasingkan (satu di atas dan satu di bawah).

5. MASA

Masa bagi setiap pusingan adalah selama 2 minit dan 3 pusingan akan diperuntukkan (2, 1, 2, 1, 2) untuk setiap perlawanan. Bagaimanapun ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pertandingan.

6. BANTAHAN / TATATERTIB

Rujuk Perkara 14.0, 16.0 dan 17.0 di dalam Undang-Undang dan Peraturan Am MASUM.

7. KATEGORI PERTANDINGAN

Kategori yang dipertandingkan adalah:-

KATEGORI LELAKI	KATEGORI WANITA
FIN (Tidak lebih 54 kg)	FIN (Tidak lebih 47 kg)

FLY (54 kg – 58 kg)	FLY (47 kg – 51 kg)
BANTAM (58 kg – 62 kg)	BANTAM (51 kg – 55 kg)
FEATHER (62 kg – 67 kg)	FEATHER (55 kg – 59 kg)
LIGHT (67 kg – 72 kg)	LIGHT (59 kg – 63 kg)
WELTER (72 kg – 78 kg)	WELTER (63 kg – 67 kg)
MIDDLE (78 kg – 84 kg)	MIDDLE (67 kg – 72 kg)
HEAVY (84 kg ke atas)	HEAVY (72 kg ke atas)

8. SESI TIMBANG

- 8.1 Peserta **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang sehari sebelum pertandingan bermula.
- 8.2 Berat semua peserta mestilah tetap mengikut kategori yang didaftarkan. Peserta akan digugurkan kategorinya sekiranya melebihi atau bawah berat
- 8.3 Timbang berat percubaan akan dijalankan satu jam sebelum timbang berat rasmi untuk mengurangkan pengguguran kategori.

9. KELEWATAN

Sebanyak 3 panggilan akan diberikan kepada peserta yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

10. PAKAIAN

Peralatan pertandingan hendaklah di bawa sendiri oleh universiti masing-masing. Contoh: Head gear dan lain-lain.

11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan MASUM yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.